

78759



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN YASMIN BINTI NOORUL AMIN
TERSENARAI SEBAGAI 50 GURU TERBAIK DUNIA**

OLEH:

MUHAMMAD AIMAN BIN JAMALUDDIN	2013322375
MUHAMMAD HARIZ BIN MOHD RODZI	2013380841

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JUL 2015)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN YASMIN BINTI NOORUL AMIN
TERSENARAI SEBAGAI 50 GURU TERBAIK DUNIA**

OLEH:

MUHAMMAD AIMAN BIN JAMALUDDIN	2013322375
MUHAMMAD HARIZ BIN MOHD RODZI	2013380841

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JUL 2015)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T dan selamat sejahtera

Di kesempatan ini, kami ingin memanjangkan syukur keatasNya atas limpah kudrat kekuatan dari segi fizikal dan mental, akhirnya kami dapat menyiapkan tugas ini iaitu pendokumentasian sejarah lisan. Dengan rendah diri kami juga amat berterima kasih kepada tokoh pilihan kami iaitu Puan Yasmin binti Noorul Amin kerana banyak membantu kami sepanjang perjalanan proses tugas ini. Beliau bukan sahaja banyak membantu dari segi aspek sesi temubual, tetapi beliau juga banyak memberi tunjuk ajar berkenaan dengan pendokumentasian projek ini. Sekalung penghargaan juga kepada pensyarah kami iaitu Puan NurulAnnisa binti Abdullah juga banyak memberi panduan tentang sebelum, semasa dan selepas proses tugas ini dan juga mengajar dari segi selok-belok adab dan tatasusila ketika berkomunikasi dengan tokoh. Pensyarah-pensyarah dari fakulti pengurusan maklumat, UiTM Kelantan juga banyak terlibat secara langsung dan tidak langsung berkenaan dengan proses berhubung dengan tokoh dan pembinaan moral secara psikologi ketika berhadapan dengan tokoh.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada para ibu bapa dan rakan-rakan yang memberi sokongan moral kepada kami ketika proses menyiapkan tugas ini. Kami juga mengucapkan terima kasih kepada para staff akademik dan juga bukan akademik UiTM Kelantan kerana memberi maklumat berkaitan tugas ini. Bukan itu sahaja, sebahagian penduduk di kawasan Machang dan juga Petaling Jaya banyak memberi tunjuk ajar berkenaan panduan mengenai arah pandu untuk berjumpa dengan tokoh dan hal-hal berkaitan dengannya. Hal ini secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara kami sebagai pelajar dengan warga setempat. Selain itu, tugas yang diberikan juga dapat memberi pengetahuan tentang hal ehwal semasa berkenaan dengan topik yang kami bincangkan dengan tokoh pilihan.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara tokoh pilihan iaitu Puan Yasmin binti Noorul Amin dan pelajar sebagai penemuramah, Muhammad Aiman bin Jamaluddin dan Muhammad Hariz bin Mohd Rodzi. Sesi temubual ini berlangsung di makmal sains, SMK La Salle iaitu tempat beliau mengajar. Pada tanggal 3 Mei 2015 dan jam 9.00 pagi, sesi temubual tersebut berlangsung dan ia berakhir pada 11.00 pagi. Perkara-perkara yang diajukan kepada tokoh pilihan ialah berkenaan dengan latar belakang, perkembangan kerjaya beliau secara umum, nilai sosial dan adab sebagai pengajar dan pelajar, pengalaman di bidang perguruan, dan berkenaan dengan pencalonan beliau sebagai senarai 50 guru terbaik di dunia. Secara tuntasnya, beliau banyak memberi input dan output terhadap kepada penemuramah tentang dunia pendidikan sekarang dan keadaan pendidikan global seterusnya menjadi satu kayu ukur kepada penemuramah sendiri untuk melaksanakan tugas.*

Kata kunci: *Puan Yasmin binti Noorul Amin, SMK La Salle, dunia pendidikan, pendidikan global.*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	x
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Perkembangan Kerjaya.....	05
Bahagian 3: Pengalaman di Bidang Perguruan.....	13
Bahagian 4: Tersenarai sebagai 50 Guru terbaik Dunia.....	22
Bahagian 5: Nilai Sosial dan Adab sebagai Pelajar dan Pengajar.....	31
Rujukan.....	55
Lampiran	
Log Wawancara.....	57
Diari Kajian.....	62
Senarai soalan.....	64
Surat Perjanjian.....	70
Gambar.....	71
Indeks.....	72

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Puan Yasmin Binti Noorul Amin

Puan Yasmin binti Noorul Amin berasal dari Taiping, Perak. Beliau yang berusia 38 tahun ini merupakan anak pertama dalam kalangan adik beradiknya iaitu 3 orang. Mendapat pendidikan awal di Taiping, perak dan seterusnya melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Sains Sultan Muhammad Jiwa di tingkatan empat dan tingkatan lima. Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran dalam bidang kimia industry di Universiti Sains Malaysia. Selepas tamat pengajian di universiti beliau terus bekerja sebagai jurutera di sebuah syarikat terkemuka di Pulau Pinang sebagai penganalisis sampel. Bekerja selama 2 tahun sebelum melanjutkan pelajaran ke Institut Perguruan Tengku Bainun selama hampir setahun. Beliau menceburi bidang perguruan atas dorongan dan galakkan daripada bapanya kerana bapanya juga seorang guru. Memulakan karier awal di bidang perguruan dengan mengajar di SMK Kampung Jambu berdekatan rumahnya sebelum berpindah ke SMK La Salle petaling jaya dan mengajar selama 11 tahun sehingga sekarang.

Tercalon dalam 50 orang guru terbaik dunia dalam Global Prize oleh Varkey Foundation menyebabkan beliau semakin di kenali di mata masyarakat. Beliau juga merupakan salah satunya wakil Malaysia yang tercalon dalam anugerah yang berprestij ini. Selepas namanya semakin dikenali beliau kini aktif memberi ceramah dan motivasi kepada mana mana sekolah atau institusi yang menjemputnya. Beliau

juga tidak kekok untuk berkongsi pengalamannya semasa di Dubai, Abu Dhabi kepada sesiapa pun. Pengalamannya semasa terlibat dalam anugerah Global Prize Teacher di Dubai menjadikannya guru yang di segani dan di hormati bukan sahaja oleh muridnya malah juga oleh rakan rakan sekerjanya. Beliau juga pernah di pertikai oleh sesetengah orang mengenai anugerah yang di sertainya namun beliau sentiasa bersifat positif dan menganggap ia adalah rezeki bagi dirinya.

Selain daripada anugerah Global Prize Teacher beliau juga pernah memenangi Anugerah Perkhidmatan Guru Cemerlang pada tahun 2008 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan seterusnya dilantik sebagai ketua pengajar subjek kimia di negeri Selangor. Beliau juga aktif dalam mengadakan kelas tambahan dan kelas teknik belajar di sekolahnya. Selain menggunakan Bahasa Melayu beliau juga mahir dalam Bahasa Inggeris dan boleh mengajar menggunakan kedua dua bahasa. Beliau juga suka membawa pelajarannya bercuti dan melancong untuk membentuk para pelajarannya menjadi manusia yang berguna selain mengeratkan hubungan sesama pelajar dan guru.

Menggunakan konsep berkawan semasa mengajar, beliau percaya dapat menghapuskan ruang atau jurang sesama pelajar dengan guru. Beliau juga menganggap para pelajarannya adalah idola beliau. Selain itu beliau juga menggunakan alat bantuan mengajar yang berkesan seperti internet, Youtube dan pelbagai media yang lain. Beliau juga kerap menekankan bahawa belajar bukan hanya kerana hendak dapat keputusan atau gred 'A' tetapi mendapatkan ilmu yang dapat digunakan dalam kehidupan kepada para pelajarannya. Justeru itu beliau seorang guru yang di hormati dan disayangi oleh para pelajarannya.

PENGENALAN

Pengenalan

Kami telah mendapat satu tugas daripada pensyarah kami untuk menjalankan satu sesi temuramah bersama tokoh untuk mengetahui mengenai sejarah atau sumbangan seseorang tokoh itu di dalam bidangnya. Tujuan utama kami mengadakan temubual ini adalah untuk memberi pengalaman menebual tokoh yang dikenali masyarakat di samping dapat menjaga dan menyimpan maklumat atau ilmu sejarah lisan ini. Sesi temubual ini dilakukan untuk memenuhi jam kredit dan juga kerja kursus yang telah di berikan oleh pensyarah kami iaitu Puan NurulAnnisa bt Abdullah di dalam matapelajaran Oral History (sejarah lisan). Selain itu temubual ini juga dilakukan untuk menambah pengetahuan kami di samping dapat menjaga sejarah atau pengetahuan seseorang di dalam sesuatu bidang yang diceburinya. Oleh itu saya, Muhammad Hariz bin Mohd Rodzi dan Muhammad Aiman bin Jamaludin telah memilih untuk menemu bual cikgu Yasmin Noorul Amin sebagai tokoh kami untuk di temu bual. Pemilihan tokoh ini berdasarkan sumbangan beliau kepada dunia pendidikan walaupun dalam usia yang masih muda. Beliau juga telah dicalonkan sebagai dalam 50 orang guru terbaik dunia yang di anjurkan oleh Varkey Foundation di Dubai, Abu Dhabi.

Beliau yang merupakan seorang guru kimia di Sekolah Menengah Kebangsaan La Salle telah dicalonkan sebagai antara 50 orang guru terbaik di dunia. Hal ini telah menyebabkan beliau semakin dikenali dan dihormati. Beliau juga aktif dalam menyampaikan beberapa ceramah motivasi di dalam Malaysia. Beliau juga pernah memenangi anugerah perkhidmatan terbaik oleh kementerian pendidikan Malaysia pada tahun 2008 dan seterusnya dilantik sebagai ketua guru kimia bagi seluruh negeri Selangor. Beliau juga banyak memberikan sumbangan kepada sekolah dan juga Malaysia di dalam bidang perguruan. Hal ini telah menyebabkan kami berminat untuk menjadikan beliau tokoh kami untuk di temu bual. Pemilihan tokoh ini dibuat selepas kami berjumpa dan berbincang dengan pensyarah kami dan meluluskan untuk kami menemubual Cikgu Yasmeen. Seterusnya kami melakukan temubual tersebut pada 3 Mei 2015.

Temubual ini dijalankan di makmal sains, Sekolah Menengah Kebangsaan La Salle, Petaling Jaya Selangor. Ianya juga mengambil masa selama satu jam lima belas minit. Kami telah membahagikan soalan berdasar kepada beberapa bahagian iaitu latar belakang tokoh, perkembangan kerjaya, anugerah Global Teacher Prize dan

pengalaman beliau di bidang perguruan. Soalan soalan ini ditujukan kepada beliau sepanjang sesi temubual ini berlangsung. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut kami telah menemubual beliau di sekolahnya. Beliau memberikan kerjasama yang baik sehingga kami dapat menyiapkan tugas ini.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Temubual ini adalah antara tokoh pilihan iaitu Puan Yasmin binti Noorul Amin dan pelajar sebagai penemuramah, Muhammad Aiman bin Jamaluddin dan Muhammad Hariz bin Mohd Rodzi. Sesi temubual ini berlangsung di makmal sains, SMK La Salle iaitu tempat beliau mengajar. Pada tanggal 3 Mei 2015 dan jam 9.00 pagi, sesi temubual tersebut berlangsung dan berakhir pada 11.00 pagi. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

YS: Puan Yasmin binti Noorul Amin
AN: Muhammad Aiman bin Jamaluddin
HZ: Muhammad Hariz bin Mohd Rodzi

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

AN: **Assalamualaikum w.b.t. Cikgu terima kasih *lah* (kerana) sebab meluangkan masa dengan kami untuk sesi temuramah ini. So [Jadi], pertamanya saya nak tanya *lah* (iaitu) tentang *background* [latar belakang] cikgu.**

YS: **Okay [Baiklah], nama saya Yasmin binti Nurul Amin dan saya berasal dari Taiping, Perak. Saya, *how to say* [bagaimana hendak cakap] belajar di Taiping dan melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Sains Sultan Muhammad Jiwa untuk tingkatan empat dan lima seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia dalam bidang kimia *industry* [industri] dan selepas dua tahun bekerja sebagai seorang jurutera saya melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Tuanku Bainun pada hari ini, Institut Perguruan Tengku Bainun selama hampir setahun dan seterusnya bekerja sebagai seorang guru mulai tahun 2003 sehingga hari ini.**

HZ: **Status cikgu? Adakah sudah bekahwin atau belum?**

YS: **Ya, saya sudah berkahwin selama 11 tahun.**

AN: **So [Jadi], cikgu ni (ini) sebelum ni ada bekerja sebagai apa?**

YS: **Saya pernah bekerja sebagai seorang jurutera di sebuah syarikat di Pulau Pinang.**

AN: **So [Jadi], *ketika cikgu berada di Pulau Pinang ketika itu cikgu pernah terdetik macam plan* [rancang] *nak* (hendak) jadi cikgu?**

YS: *Tak* [tidak] pernah sebab memang saya minat dengan bidang yang saya ceburi iaitu kimia industri dan bila saya sebagai jurutera memang sangat menyeronokkan cuma saya ada berbincang dengan ayah saya tentang hala tuju masa hadapan dan cabaran pekerjaan tu sendiri di mana masa hadapan. So [Jadi] ayah saya berpendapat yang saya seorang yang bijak dan dia berpendapat yang saya sepatutnya menjadi seorang guru so [jadi] saya berfikir dan menyahut seruan ataupun *suggestion* [cadangan] cadangan ayah saya *lah* [tersebut] dan melanjutkan pelajaran di bidang perguruan so [jadi] saya *tak* [tidak] pernah rasa *regret in both* [menyesal kedua-duanya], *how to say* [bagaimana hendak bercakap] *occupation both are okay* [pekerjaan kedua-duanya adalah baik].

AN: ***Dari segi fleksibiliti masa ketika cikgu bekerja sebagai jurutera dengan guru?***

YS: *No* [tidak], memang *takda* (tidak ada) sebab saya memang seorang yang *family oriented* [berdasarkan keluarga]. So [Jadi], apabila saya tidak bekerja, saya akan bersama keluarga dan *in both ways are* [dalam kedua-dua keadaan] sama sahaja sebab sekarang sebagai guru pun ada masa yang kita kena bekerja dan sebagainya dan keluarga pun memahami *situation* [keadaan] apabila sudah bekerja dan *tak* (tidak) pernah ada masalah dan saya dengan *parents* [ibubapa] agak rapat so [jadi] *takda* (tidak ada) masalah sebenarnya pembahagian masa itu *okey* [baik] *ja* (sahaja).

AN: ***Dari segi environment [persekitaran] kerja itu macam kalau engineer [jurutera] ni (ini) kena melayan klien [pelanggan] macam cikgu melayan students [pelajar]. So, what about the relationship between this [Jadi, ada hubungan berkaitan antara jurutera dan guru]?***

YS: *Okay* [baiklah], *basically* [asalnya] kalau sebagai seorang *engineer* [jurutera] tu memanglah *relationship* [hubungan] *tu* [itu] agak terhad sebab walaupun kita layan *client* [pelanggan] tapi kerja itulebih menjurus ke arah teknikal so [jadi] kita banyak *deals* [berkerja] dengan *sample* [bahan] dan sebagainya tetapi berhadapan dengan murid ini lebih kepada manusia di mana manusia ini ada jiwa ada perasaan so [jadi] agak berbeza tetapi cabarannya sama sebab minat dan orang kata apa cara kita handle *both situation* [mengendali kedua-dua keadaan] itu sama so *passion* [jadi semangat] *tu* [itu] mesti ada *in both ways* [dalam kedua-duanya keadaan] cuma cabaran kita akan berbeza.

AN: **Ketika cikgu di *USM* (Universiti Sains Malaysia) selepas mengambil bidang kimia selepas *grad* [bergraduasi], cikgu bekerja dalam bidang kimia atau pun luar bidang kimia?**

YS: Masih bidang yang sama. Saya bekerja sebagai seorang *analytical engineer* [jurutera analitis] dimana saya *analyze samples* [menganalisis bahan] and memang menggunakan sepenuhnya pengetahuan yang saya belajar *lah* [adalah] di universiti.

BAHAGIAN 2: PERKEMBANGAN KERJAYA

AN: **So [Jadi], pengetahuan cikgu di bidang *engineer* [jurutera] banyak membantu ketika cikgu di bidang perguruan?**

YS: *Yes, of course* [betul, sudah semestinya] ceritanya macam saya beritahu tadi sama sebab *you are dealing with klient and samples* [awak urus janji dengan pelanggan dan bahan-bahan] juga, pelajar juga adalah umpama *samples* [bahan-bahan] dimana setiap tahun kita dapat pelajar yang sama dan kita ada satu cabaran dimana kita hendak *input as much knowledge as possible to the children* [masukkan pengetahuan sebanyak mungkin kepada kanak-kanak]

dan apabila bekerja sebagai seorang *engineer* [jurutera] masih ada cabaran dimana kita perlu melengkapkan tugas dalam masa yang di tetapkan *so how to say, there is a balance* [jadi hendak cakap, terdapat ada keseimbangan] *lah* (adalah) *in both* [dalam kedua-keduanya].

AN: **So [jadi] ketika cikgu melanjutkan pelajaran ke Institusi Tuanku Bainun, so [jadi] ada kekangan *tak* [tidak] ketika cikgu belajar di universiti dulu nak berbandingkan ketika suasana di institut perguruan?**

YS: Okay [baiklah], sebab semasa sepanjang saya belajar saya memang tidak pernah mengalami *situation ragging* [keadaan dibuli] dan sebagainya sehinggalah di Maktab Perguruan Tunku Bainun tetapi apabila saya kena ragging [dibuli] dalam satu minggu itu ragging [dibuli] itu sebenarnya bersifat kepada, lebih kepada kekangan masa rehat sebab kami disuruh berkawad dan sebagainya sehingga pukul *tiga* [3] pagi dimana saya rasa pada usia saya pada masa itu *dua puluh empat* [24], *dua puluh lima* [25] dimana saya telah menceburi bidang professional saya rasa perkara tersebut agak lapuk dan tidak patut dibuat sebaliknya sepatutnya lebih banyak *session* [sesi] pembincangan dan juga *session* [sesi] dimana pelajar pelajar yang baru masuk ke kolej tu patut didedahkan dengan mungkin teori- teori dan sebagainya dan bukan berkawad sehingga pukul tiga pagi. Itu adalah orang kata apa *against* [menidakkan] lumrah manusia *so ranging* [jadi buli] pon dijalankan oleh pelajar pelajar yang lebih muda jauh lebih muda umur *lapan belas* [18], *sembilan belas* [19] dimana saya rasa mereka tidak matang di dalam menangani isu minggu orientasi dimana sepatutnya pengenalan *tu* (itu) patutnya lebih kearah kehidupan di kolej oleh *and* [dan] kerana saya sendiri pernah bersekolah di sekolah asrama penuh dan sebagainya *so* [jadi] dunia asrama dan universiti *ni* (ini) *dah* (sudah) bukan asing tetapi lepas seminggu selepas itu *perception* [persepsi] saya berubah *lah* (adalah) sebab *lecturer* [pensyarah] saya semua macam mantap dan mereka

berjaya memulihkan *not to say* [tidak seperti] semangat tetapi memulihkan rasa saya terhadap dunia perguruan sebab sebelum tu saya berpendapat yang jika berginilah bakal guru yang ada jiwa untuk *raging* [buli] dan sebagainya bagaimana anak murid yang akan dihasilkan dan saya sendiri agak bersifat vocal [*bersuara*] pada masa tersebut kerana saya memang menentang kekerasan terhadap pelajar *in facts* [secara fakta] sekarang pon saya tidak pernah rotan pelajar habis habis pun denda berdiri dan sebagainya tetapi kita beritahu kepada pelajar kenapa dia perlu ada sedikit denda tetapi tidaklah sehingga menjejaskan kesihatan dia dan sebagainya kerana denda itu adalah sebagai sifat peringatan tetapi pada hari ini ramai orang salah anggap tentang denda dan mereka buat perkara perkara yang di luar batasan so [jadi] saya rasa perlu ada satu garis panduan lah tentang perkara ni dan setakat itu saja *lah kot* (yang) saya rasa cabaran di sekolah tak banyak sebab saya bersifat positif so [jadi] saya *okey* [boleh menerima] walaupun situation tidak memihak kepada saya tetapi saya teruskan juga.

AN: ***Dari segi penglibatan cikgu di luar bidang akademik maksud di bidang kurikulum and kokurikulum di sekolah, universiti dan institut perguruan. Boleh cikgu nyatakan?***

YS: Semasa di sekolah saya ada menyertai St. John tetapi kurang aktif, di universiti pada mulanya saya agak aktif kerana saya ingin mendapatkan penginapan tetapi apabila tahun kedua tidak diberi penginapan saya terus *stop* [berhenti] sebab pada masa tu saya rasa tak perlu dah aktif mungkin saya patut tumpukan kepada pengajian dan berbaloi sebab selepas itu *my study become better, then* [pengajian saya semakin baik, kemudiannya] semasa di maktab perguruan memang kita diwajibkan menyertai aktiviti kokurikulum kerana apabila kita mengajar di sekolah ditempatkan di sekolah memang guru wajib ada aktiviti kokurikulum *I mean handle* [saya maksudkan mengendali] *la* (adalah) *its* [aktiviti kurikulum dan kokurikulum] guru penasihat perlu tahu aspek aspek yang dari segi

pengurusan kelab & persatuan dan sebagainya oklah penglibatan saya boleh katakan dalam *tujuh puluh* [70] ke *lapan puluh* [80] peratus begitu.

HZ: ***Apa pencapaian terbaik cikgu sepanjang bergelar pelajar?***

YS: Semasa di tingkatan *lima* [5] saya mendapat pelajar terbaik untuk subjek Bahasa Inggeris dan semasa di maktab perguruan saya mendapat pelajar terbaik keseluruhan. Di universiti tu agak kurang sikit sebab saya agak macam saya cakap *first year* [tahun pertama] saya agak aktif dengan kokurikulum dimana saya menyertai persatuan Bahasa Melayu tidak salah saya sebab aktiviti dia menarik dia banyak lawatan dan saya menyertai koir dan teater so [jadi] agak *deviate* [menyimpang] sikit *la* (adalah) so [jadi] dari segi akedemik tidak begitu cemerlang tetapi penglibatan saya serratus peratus *la* (adalah) didalam apa yang saya buat.

AN: ***Seperti yang sedia maklum bidang pengkhususan cikgu adalah kimia adakah bidang lain juga cikgu ada pengkhususan macam Bahasa Inggeris ataupun sebagainya?***

YS: Bahasa Inggeris ini adalah *satu* [1] bahasa atau wadah memang daripada kecil saya di. Penguasaan Bahasa Inggeris ditekankan sepenuhnya oleh ayah saya dan saya tidak ada masalah untuk berkomunikasi dan sebagainya so [jadi] walaupun saya minat terhadap Bahasa Inggeris tetapi ayah saya kata *you have to have value in your life beside language*. [awak perlu ada nilai lain dalam hidup selain bahasa]. So [Jadi], saya menceburi bidang kimia yang saya rasakan agak bersesuaian lah dengan jiwa saya mungkin dari segi mudah dan bersifat *calculation* [pengiraan] dan *memorizing* [emngingat] di mana saya agak *excellent* [cemerlang] *in that* [dalam bidang berkenaan]. Saya juga meminati biologi cuma mungkin kurang

sikit dari segi *nak* (hendak) pegang benda benda hidup *ni* (ini) tetapi dari segi pembelajaran tidak ada masalah *lah* (berkenaan dengan soalan) sebab saya rasa biologi *interesting* [menarik] macam saya cakap *I am a positive person, so* [saya seorang yang positif, jadi] saya lebih kearah mencari ilmu daripada mengejar *A* [gred] dan saya rasa apabila saya mencari ilmu, *A* (gred) itu akan ada dalam tangan.

AN: Macam cikgu cakap tadi ayah cikgu telah mengajar bertutur dalam Bahasa Inggeris bagi cikgu dia adalah satu bebanan ataupun kerelaan hati untuk bercakap dalam Bahasa Inggeris dari kecil?

YS: *Basically* [asalnya], bila bahas pertuturan di rumah tu Bahasa Inggeris so [jadi] *takda* (tiada) konsep rela dan sebagainya sebab itu memang bahasa pertuturan so [jadi] penggunaan Bahasa Melayu pula bermula semasa di sekolah semasa darjah *dua* [2] semasa darjah satu saya *tak* (tidak) berapa fasih Bahasa Melayu so [jadi] Bahasa Melayu itu menjadi *satu* [1] bebanan buat saya sebenarnya berbanding Bahasa Inggeris sebab sehingga tingkatan *lima* [5] saya ingat lagi guru saya terpaksa buat kelas tambahan untuk saya seorang sebab saya tidak memahami langsung prosa klasik dan sajak sebab bagi saya Bahasa Melayu membosankan cara pengajaran tu membosankan tapi guru saya sangat prihatin dan sangat tidak berputus asa sehinggalah saya Berjaya dapat *A* (gred) sebelum tu saya sorang *ja* (sahaja) dapat *B* (gred) *satu* [1] kelas dapat *A* (gred) saya sorang masih *B* (gred) sehingga *trial* [peperiksaan percubaan]. *So, of course* [Jadi, semestinya] guru saya *panic* [cemas] tapi *the best thing* [benda terbaik] dia tidak berputus asa dia panggil saya dan cuba *analyze* [menganalisa] dimana kelemahan saya dimana kekuatan saya dan dia berjaya *change the situation, so* [mengubah keadaan, jadi] semangat Puan Aishah Ahmad dia masih berada di *SP* (Sungai Petani) memang sangat tinggilah bagi seorang guru semangat dialah yang saya bawa sehingga ke hari ini dimana saya tidak berputus asa terhadap

students [pelajar-pelajar] saya dan Puan Aishah juga suka bercerita sambil mengajar so [jadi] saya gunakan konsep tu juga dalam pengajaran saya sebab saya rasa sangat menarik.

HZ: **Macam cikgu cakap tadi cikgu dapat best student [pelajar terbaik] ada apa-apa rahsia ka (atau) teknik belajar untuk dapat anugerah itu?**

YS: Rahsia dia *satu* [1] *ja* [sahaja], tumpuan dalam kelas tumpuan yang saya beri memang seratus peratus sebab kalau nak katakan saya rajin sangat membaca buku memang kurang sebab saya lebih suka membaca *paper* [surat khabar]. Saya baca sembilan akhbar sehari so sekarang semua *online* [melalui laman sesawang] *la* (adalah) dulu memang terpaksa beli macam *drugs* [dadah] la so [jadi] ada orang di nak main game dan sebagainya. Saya baca surat khabar tu macam satu kemestian bagi saya tetapi rahsia saya adalah member tumpuan serratus peratus dalam kelas sebab apabila kita beri tumpuan dalam kelas luar daripada kelas kita dah tak perlu lagi nak buat kerja tambahan ulangkaji dan sebagainya *you* [awak] dapat *the best information* [maklumat terbaik] semasa di dalam kelas *especially* [terutamanya] bila *lecturers* [pensyarah] ada so *you just get active in class*, so [jadi cuma hanya aktif dalam kelas, jadi] bagi saya itu amat mudah.

HZ: **Pernah dapat apa-apa tawaran sambung belajar di luar negara ka ataupun pernah *apply* [memohon]?**

YS: Oh *takda* (tiada) sebab selepas habis belajar di maktab dan saya terus ditempatkan di sekolah dan mungkin ramai juga yang berpendapat perlu ambil sarjana, *master* [sarjana]. Apabila saya lihat senarai kursus yang ditawarkan tidak ada *satu* [1] pun yang menarik minat saya sebab ia lebih kearah menjadikan seorang guru tu macam

robot so you [jadi awak] belajar *master* [tahap tinggi] tetapi penggunaan dalam kehidupan tidak ada sebab saya sekarang mencari *satu* [1] kursus sarjana di mana saya boleh mendapat nilai tambah dalam diri dan boleh sampaikan kepada student tetapi setakat hari ini tidak ada orang tawarkan subjek sedemikian melainkan di satu university di Johnhowkins di US [Amerika Syarikat] tetapi sepatutnya tahun lepas saya dah hantar *application* [permohonan] tetapi kerana saya terlibat dengan Global Teacher Prize so [jadi] saya tangguhkan hasrat itu ke tahun hadapan.

AN: **So [jadi] pemilihan cikgu terhadap karier guru adakah pengaruhnya daripada ahli keluarga yang lain?**

YS: *Tak* (tidak). Hanya perbincangan antara saya dengan ayah saya kerana saya anak sulung so [jadi] saya tidak pernah *consult* [berbincang] sesiapa untuk buat satu-satu *decision* [keputusan] kerana ibu bapa saya sangat percayakan saya dimana mereka percaya jika saya buat satu-satu keputusan itu adalah yang terbaik yang boleh saya fikirkan pada masa itu dan jika keputusan itu tidak membanggakan atau pun tidak memberi kesan yang diharapkan maka ibu bapa saya berpendapat *you should learn from your mistake* [awak patut belajar dari kesilapan sendiri] dan bangkit daripada kegagalan dan sebagainya cuma setakat hari ini saya tidak pernah ada *regret* terhadap apa yang saya buat cuma keputusan yang saya buat cuma baik atau buruk memberi kesan kepada diri saya sahaja dan membuatkan saya lebih matang dalam hidup. *So, I am okay because im a positive person* [Jadi, saya amat baik sebab saya seorang yang positif]. So [jadi] kalau ada setengah orang dia *regret* [menyesal] ambil kelas sains *ka* (atau) ataupun *regret* [menyesal] tidak belajar semasa tingkatan *lima* [5] so [jadi] bagi saya tidak sebab walaupun saya tidak begitu cemerlang dalam fizik umpamanya kerana saya hanya lulus dalam *trial* [percubaan] baru lulus dan *SPM* (Sijil Pelajaran Malaysia) pun saya dapat dalam *dua* [2] gred sebelum gagal saya dah lupa *P7* (gred peperiksaan) pada masa itu tetapi

saya tidak pernah *regret* [menyesal] dan apabila anak murid bertanya kepada saya kata *I have no regret* [saya tidak menyesal] sebab pelajar hari ini memang dahagakan *straight A* [keputusan semua gred A] *kan* (akan) tapi saya kata saya tidak perlu subjek tersebut dalam kehidupan saya *so I make a decision and my parents okay with it* [jadi saya membuat keputusan dan ibubapa saya merestuinnya] sebab *my parents said you are the one* [ibubapa saya berkata sayalah orangnya] yang nak teruskan kehidupan. *So we cannot force you to do whatever you do not like so because of that* [Jadi kami tidak boleh memaksa awak buat apa yang awak tidak suka disebabkan itu]. Saya sangat berterima kasih *lah* [adalah] sebab *parent* [ibubapa] saya sangat liberal dan mereka benarkan kami adik beradik buat kesilapan. *That is the best part* [Itulah bahagain yang terbaik] sebab kebanyakan ibu bapa tidak benarkan anak buat kesilapan di mana kalau boleh mereka *nak* (hendak) anak itu cemerlang sepanjang hayat sedangkan kita tahu kita manusia biasa. *You have to have up and down* [awak ada di atas dan bawah]. So [Jadi], Alhamdulillah *la* (kerana) *parents* kami terima kami seadanya sebagaimana kami terima ibu bapa kami seadanya.

AN: **Ketika cikgu di institut perguruan kalau tak silap saya sebelum disediakan penempatan mengajar akan diadakan sesi *posting* [bertugas ketika sesi praktikal]. So [Jadi] bagaimana cikgu menghadapi sesi *posting* [bertugas ketika sesi praktikal]?**

YS: Sesi *posting* [bertugas ketika sesi praktikal] mudah sebab saya dapat sekolah yang berhampiran dengan rumah ibu saya boleh jalan kaki dalam *seratus* [100] meter *so* [jadi] *takda* (tiada) masalah kerana berhampiran dengan keluarga dan adik beradik pun masa tu adik-adik saya masih kecil lagi. Adik-adik yang muda yang bongsu mereka sering ke sekolah apabila saya buat kelas tambahan dan saya sangat *happy* [gembira] dengan *situation* [keadaan] tersebut kerana saya mendapat kepercayaan dari pihak sekolah *especially* [terutamanya] dan pihak sekolah sering memanggil saya ke sekolah untuk kem dan

sebagainya sebab rumah saya yang paling dekat. So [jadi] walaupun cuti let say [seumpama] *tak* [tidak] macam orang lain pergi jalan sana sini tetapi apabila mendapat kepercayaan dari sekolah yang saya bekerja dimana sekolah percaya yang saya begitu muda pada masa itu boleh handle pelajar dan sebagainya dan pelajar sendiri akan datang ke rumah, *first thing* [pertamanya] kalau ada apa-apa berlaku di sekolah masa *camping* [perkemahan] dan sebagainya so [jadi] apabila manusia lain beri kepercayaan sedemikian kepada kita memang rasa lain dan rasa seronok sebab dari situ kita boleh *built* [membina] kita punya *confidence* [keyakinan] dan *at the sametime, you learn how to handle people* [dalam masa yang sama, awak belajar bagaimana untuk mengendali seseorang].

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN DI BIDANG PERGURUAN

HZ: **Sekolah mana yang cikgu mula *first* [pertama] mengajar itu?**

YS: SMK Kampung Jambu, Taiping

HZ: ***Perasaan semasa kali pertama mengajar? Nervous* [gemuruh] *ka* (atau tidak)?**

YS: Masa tu saya *tak* [tidak] *nervous* [gemuruh] sebab dah pernah praktikal *kan* (mungkin). *Okay* [Baik] *ja* (sahaja) cuma itu *first time* [pertama kali] saya *deal* [berurusan] dengan pelajar campur lelaki dan perempuan so [jadi] ada rasa macam tidak selesa kerana saya nampak pelajar lelaki dan perempuan *ni* (ini) bersifat simpan bila ada pelajar perempuan *then* [kemudian] pelajar lelaki kurang bercakap dari segi mungkin bersembang itu ada tetapi mereka *tak* (tidak) *participate* [menyertai] lah (sebabnya), *tak* (tidak) aktif apabila kita buat perbincangan dalam kelas dan pelajar perempuan pun begitu malu sebab masa itu saya ajar sains *form three* so [tingkatan tiga jadi] ada topik-topik tertentu di mana mereka perlu *open* [terbuka] dan

pelajar pelajar ni tunggu sampai orang lain dah *takda* (tiada) dalam kelas baru nak tanya itu ini. So [jadi] dari situ saya rasa macam kurang berpuas hati dan apabila sebelum itu saya praktikal di Sekolah Convent di mana semua perempuan keadaannya berbeza dimana pelajar agak aktif dan pelajar suka bertanya walaupun perkara tu bukan melibatkan subjek sendiri dan apabila saya ditempatkan di sekolah ini SMK La Salle dimana semua pelajar lelaki *situation* [keadaan] *tu* (itu) pun bagus sebab pelajar memang sangat sangat aktif di dalam kelas mereka boleh tanya apa sahaja tanpa rasa malu so [jadi] saya rasa pengalaman saya di sekolah yang pertama tu dari segi dengan pelajar agak kurang memberansangkan tetapi dari segi pelajar dengan kita cubalah sedaya upaya untuk mengatasi masalah tersebut.

AN: **Macam cikgu cakap tadi sekolah yang ada *dua* [2] jantina *maybe* [mungkin] mereka kurang *confident* [keyakinan] apabila *nak* (hendak) bagi pendapat ataupun bertanya. So [Jadi], macam mana cikgu *try to adapt this situation* [mencuba untuk mengatasi keadaan ini]?**

YS: Saya gunakan kekuatan *diorang* (mereka) dimana kalau pelajar lelaki lebih kearah fizikal dan pelajar perempuan lebih kearah kerajinan so [jadi] macam aktiviti dalam kelas *tu* (itu) kalau bersifat fizikal dimana kena kemas meja dan sebagainya atau kena buat eksperimen so [jadi] kita memang dahulukan pelajar lelaki tetapi dari segi menjawab soalan dalam kelas saya beri galakan kepada pelajar perempuan dan minta pelajar lelaki terima keadaan tersebut di mana pelajar perempuan lebih rajin dan kerja mereka pon lebih kemas so [jadi] daripada situ pelajar boleh ada *give and take* [beri dan ambil] sebab kita tunjuk pelajar lelaki *excellent* [cemerlang] dalam buat eksperimen pelajar perempuan lebih kearah menyediakan laporan dan sebagainya. So [Jadi], kita cari kekuatan *instead of* [sebaliknya adalah] kelemahan. So [jadi] dari situ pelajar beranggapan “okay, *I can showcase my ability* [saya boleh mempamerkan keupayaan]”. So

[Jadi], dari situ saya cuba *built that situation with them* [membina keadaan tersebut dengan mereka] jadi tak rasa malu *with each other* [sesama lain] dan terima kekurangan diri masing-masing.

AN: **So [jadi], cikgu dahulunya mengajar di Perak then cikgu berpindah ke Sekolah La Salle. So [Jadi], cikgu ada rasa macam ada satu kekangan tak dari segi *environment* [persekitaran] dari segi *colleague* [rakan sekerja]?**

YS: Kekangan nak sesuaikan diri dekat sini *okay* [baik], *takda* (tiada) masalah sebab saya *dah* (sudah) bersedia dan saya *dah* (sudah) tahu sebelum ditempatkan pun saya memilih sekolah ini so [jadi] saya tahu *environment* dia macam mana saya tahu hasrat sekolah macam mana *and* [dan] sekolah ini pun kebanyakan pelajar boleh berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris di mana saya rasa itu satu kelebihan dan dari segi *colleague* [rakan sekerja] ataupun rakan sekerja mungkin ada yang bersama dengan saya jiwa yang sama tetapi ada juga yang tidak mungkin kerana kekangan hidup masing masing so [jadi] kalau saya rajin ke sekolah buat kelas tambahan mereka juga rajin tetapi mereka datang ke sekolah mungkin *settle* [menyempurnakan] *kan* (akan) kerja sendiri tetapi ada guru yang jiwanya dengan pelajar so [jadi] ada *give and take* [beri dan terima] tetapi *of course* [semestinya] ada masa masa tertentu kita ada salah faham dengan rakan sekerja sebab pendapat masing masing berbeza.

AN: **Berbanding dengan kerja jurutera dengan guru yang mana lebih susah? Atau sama sahaja?**

YS: Sebab cabaran dia lain yang *ni* (ini) deal dengan jiwa dan perasaan manusia yang satu lagi deal dengan benda maujud. So [Jadi], dua pengalaman yang berbeza tahap kesusahan so [jadi] sebab saya

kata saya positif. So [Jadi] *takda* (tiada) tahap kesusahan macam dulu kalau *boss* [majikan] suruh datang awal kerja datang *je* (sahaja), kalau bos kata *okay you settle your work* [baik awak siapkan kerja awak] samapai 10 malam setelkan *ja lah* (sahaja) sebab kerja itu bagi saya jadi *satu* [1] kepuasan bila siap kerja tetapi bila sekolah macam *ni* (ini) bila pengetua kata *you* [awak] kena buat kelas tambahan. *Actually* [sebenarnya] pengetua tidak perlu bagitau saya pun sebab saya sendiri yang proaktif, *start* [mulakan] kelas tambahan dan sebagainya sampai orang kata jadi *benchmark* [penanda aras] kepada orang lain so [jadi] *takda* (tiada). Memang *takda* (tiada) masalah.

AN:

Cikgu dulu pernah mengajar di sekolah perempuan sahaja and then [kemudian] di La Salle ni (ini) laki sahaja so [jadi] cikgu boleh kenal pasti apa *students* [pelajar-pelajar] laki dan *students* [pelajar-pelajar] perempuan nak dalam kelas *tu* (itu) kemahuan?

YS:

Sama *ja* (sahaja) dalam kelas manja pelajar ini suka perhatian dan pelajar juga tak suka di labelkan macam dengan gelaran gelaran tertentu dan saya rasa pelajar lelaki dan perempuan ni sama sensitif *ja* (sahaja) dan *takda* (tiada) bezanya pun sebab pelajar ini kehendak dia sama pada usia yang saya ajar sekrang *enam belas* [16], *tujuh belas* [17] ini mencari diri sendiri dan membina identiti untuk masa depan dan *this is the age where as much friends as possible and try to attract the attention from other gender* [inilah usia yang mencari sebanyak mungkin kawan dan cuba untuk menari perhatian dari jantina yang berbeza]. So [Jadi], *this is the age where so fun to watch* [Jadi, inilah usia yang disukai untuk diperhatikan]. So [Jadi] sama *ja la* (sahaja andai) kalau yang perempuan pun nak perhatian daripada pelajar lelaki pelajar lelaki nak perhatian daripada pelajar perempuan dan kalau di dalam kelas rasa ingin tahu sama sebab usia *enam belas* [16], *tujuh belas* [17] *ni* (ini) usia dah menginjak nak meninggalkan alam remaja ataupun kanak-kanak dan nak menginjak ke dewasa yang *adult* [dewasa]. So, *its quite fun at this age* [Jadi, ia

agak seronok ketika usia begini].

AN: **Bagi cikgu sebagai cikgu kimia dia sekolah La Salle adakah *students* [pelajar-pelajar] di sini *participate in every lesson plans* [memberi kerjasama dalam setiap pelan pengajaran] yang cikgu *dah* (sudah) rancangan?**

YS: *Yap* (Ya), kerana saya mengamalkan konsep *give and take* [beri dan ambil] dimana pada akhir pembelajaran saya akan buat eksperimen walaupun tidak ada kaitan kalau saya tidak buat eksperimen saya akan tunjuk video dan kadang kadang semasa mereka sedang buat latihan dalam kelas saya pasang lagu dan sebagainya lagu yang mereka suka dengar. *I mean, we find a song that both parties like* [Maksud saya, kami mencari lagu yang kedua-dua pihak menyukainya]. So [Jadi], pelajar boleh bersantai sekejap di dalam kelas. So [Jadi] bila ada konsep *give and take* [beri dan ambil], pelajar tidak akan ada rasa nak melawan sebab kita beritahu *there is a reason why they have come to school* [sebab kenapa dia perlu datang ke sekolah] sebab kalau dia dah betul betul genius, dia boleh *homeschool* [belajar secara sendiri], dia boleh *stay at home* [tinggal di rumah] tetapi dia datang ke sekolah bukan sahaja untuk mendapatkan ilmu tetapi untuk membina *friendship* [setia kawan] untuk membina *relationship* [hubungan] dengan kawan dan guru. So [Jadi], saya gunakan *that situation* [keadaan ini] dan gunakan *reverse psychology against students and* [psikologi pusing balik bersandar kepada pelajar] setakat hari ni memang saya tidak mendapat bantahan daripada pelajar dan pelajar pun suka dengan kaedah *give and take* [beri dan ambil] *ni* (ini) dan kalau pelajar tidak menyiapkan kerja dan sebagainya biasanya saya akan tanya *dululah* (dahulu) kenapa dan sebagainya kalau jawapan *tu* (itu) kurang memuaskan barulah bermula syarahan sekejap dari saya dan selepas tu *okey* [baik] *back to teaching* [kembali mengajar] dan beritahu mereka yang apabila saya memberi nasihat maka itu telah merugikan mereka sebenarnya sepatutnya itu digunakan untuk belajar tetapi sometimes

student perlu dengar nasihat *from time to time and it make teaching possible la in class* [dari masa ke semasa dan laksanakan pengajaran sentiasa di dalam kelas].

AN: Kalau macam pelajar *ni* (ini) di rumah *diorang* (mereka) ada *parents [ibu bapa]*. So [Jadi], apabila datang ke sekolah cikgu *la* (adalah) sebagai *parents [ibu bapa] diaorang* (mereka). So [Jadi], dari segi *diaorang* (mereka) berkongsi pengalaman *and then* [dan kemudian] selain daripada akademik so [jadi] apa perkara yang *diaorang* (mereka) *share* [berkongsi] dengan cikgu?

YS: *Diaorang* (Mereka) *share* [berkongsi] banyak benda sebenarnya tentang kehidupan kadang-kadang tentang kata kata ibu bapa mereka kurang memuaskan *then* [kemudian] mungkin dari segi kerja rumah yang perlu dijalankan dan apabila mereka sebagai *complaint* [merungut] *la* tetapi kita sebagai guru kena pandai guna *situation* [keadaan] tersebut dimana kita nyatakan rasional setengah ibu bapa menyuruh mereka membuat kerja rumah dan kita cerita seorang yang dewasa macam ibu bapa pun bukan manusia yang sempurna so [jadi] akan terlepas perkataan perkataan yang kurang memuaskan dan sebagai pelajar saya nasihatkan mereka "*don't be like that* [jangan begini] *lah* (apabila) *so when you grow up you don't be like your dad like your mum* [jadinya bila awak membesar awak jangan jadi seperti ayah dan ibu awak]. *So you be a better person* [Jadi, awak akan jadi orang yang berguna]". So [Jadi,] mula-mula susah untuk pelajar *ni* (ini) terima tapi kita kena selalu tanya, tunjukkan sifat prihatin dan sebagainya sebab pelajar ini mudah mesra apabila kita tanya perkara perkara macam mencuit hati mereka. So [Jadi], *shows some caring cause* [tunjukkan seberapa prihatin disebabkan] ibu bapa hari ini kebanyakannya sibuk dan apabila pulang kerumah apabila gadget semua dah canggih balik ke rumah main *game* [permainan berasaskan teknologi] dan sebagainya. So [Jadi], kebanyakan pelajar saya *complaint* [merungut] bila *dah* (sudah) balik rumah pukul *enam* [6], *tujuh* [7] pun *still* [masih] dengan

handphone [telefon bimbit], *still* [masih] dengan main *game* [permainan berasaskan teknologi] padahal seharian dah *takda* (tiada) dekat rumah so [jadi] anak-anak pun terpaksa pilih macam ada pelajar saya nak bawa ke *Universal Studio* (taman tema di Singapura) pada bulan Jun ni. Mereka kata kena pilih *time* [masa] untuk beritahu kepada ibu bapa nak minta duit dan bagitahu nak pergi nak *renew* [memperbaharui] passport. So [Jadi], kena cari masa tertentu contohnya masa makan *tu* [itu] pun kena tengok *mood* [emosi] ayah *okay* [baik] *ka* (atau) *tak* (tidak). So [Jadi], saya rasa itu *situation* [kedadaan] yang tidak sepatutnya berlaku sebab komunikasi dua hala lebih baik dirumah daripada sekalah sebab ibu bapa ni ada hubungan darah dengan anak anak tetapi hari ini itu *lah* (adalah) yang hakikatnya di mana kita lebih utamakan orang luar berbanding dengan anak sendiri tapi saya rasa ibu bapa perlu dididik dan apabila anak-anak memohon bantuan dan sebagainya so [jadi] kita nasihatkan parents dengar *lah* [seharusnya].

AN: **Dari segi teknik pengajaran di dalam kelas apa teknik teknik yang cikgu *implement* [laksanakan]?**

YS: Tekniknya macam saya beritahu awal tadi saya ada konsep *give and take* [beri dan ambil] dimana pelajar belajar ikut kemampuan dan saya tidak memaksa pelajar contohnya saya pelajar *we have to finish this by end of the week* [kita perlu habiskan dalam minggu ini]. Saya tidak pernah utarakan ayat tersebut kerana pembelajaran ikut silibus ini bagi saya robot *ja* (sahaja) boleh buat tetapi kita *deal* [berurusan] with manusia dimana manusia *ni* (ini) tahap pemahaman dan penerimaan tak sama. So [Jadi], kita kena ikut perkembangan pelajar *and at the same time* [dan pada masa yang sama] kita galakkan pelajar untuk capai tahap tu dengan pelbagai cara contohnya bagi *extra marks, plus mark in class* [markah tambahan, tambah markah dalam kelas]. Adakalanya saya bagi duit dan wang tetapi *of course* [semestinya] tidak selalu tetapi saya nampak perubahan dalam pelajar apabila selalu diberi galakan di mana kita tangkap *situation*

[keadaan] itu dimana kita tanya kepada pelajar seronok tak dapat jawab jawapan yang betul samapai dia terpikir betapa *happynya* [gembiranya] dia apabila dia dapat jawab jawapan yang betul dia akan berpegang kepada *situation* [keadaan] *tu* (itu) *happiness* [kegembiraan] *tu* (itu) dan dia kekal sampai peperiksaan. So [Jadi], pelajar pelajar begini biasanya agak positif semasa peperiksaan kerana dia mampu jawab dengan tepat.

AN: **Pada pendapat cikgu ada segelintir guru saya rasa niat diaorang [mereka] tu untuk mengajar anak bangsa so dia menggunakan pendekatan yang agak keras mungkin cara mengherdik ataupun maki hamun pelajar *tu* (itu). So [Jadi], apa pendapat cikgu tentang keadaan ini?**

